

Zubir pengerusi baru AIM

Shah Alam: Lembaga Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) mengumumkan pelantikan Dr Zubir Harun, sebagai Pengerusi baru berkuat kuasa 1 Oktober lalu.

Zubir yang sebelum ini pernah memegang jawatan Ketua Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA, menggantikan penyandang sebelumnya, Datuk Anihamzah Ahmad, yang tamat perkhidmatan pada 30 September 2013.

Beliau adalah pemegang Ijazah Kedoktoran Pendidikan (Pembangunan Sumber Manusia) daripada Universiti Selangor



Zubir Harun

(UNISEL), Ijazah Pembangunan Sumber Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mantap legasi AIM

Selain berpengalaman luas menerusi pelbagai jawatan yang disandang sebelum ini, beliau juga mempunyai hubungan kukuh dalam dunia korporat dan keusahawanan itu, selain diyakini mampu menerajui Lembaga AIM dan memantapkan lagi legasi pertubuhan itu dalam industri kewangan mikro.

Sementara itu, Zubir berkata, beliau akan cuba memperkasakan agenda ekonomi, pendidikan dan hak orang Melayu dan Bumiputera yang sentiasa diperjuangkan selama ini.